

09/04/2014 - Perasmian Pusat Kesihatan Wanita Puspanita

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh; Salam Sejahtera dan Salam
1Malaysia

Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis,

YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

YBhg. Puan Sri Dato' Rohani binti Abdullah

Yang Di-Pertua PUSPANITA,

YBhg. Datuk Farida binti Mohd Ali

Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan,

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah

Ketua Pengarah Kesihatan,

YBhg. Datuk Othman bin Haji Mahmood

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan

Jabatan Perdana Menteri,

YBhg. Datuk Hasnah binti Hj Salleh

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Kementerian Kesihatan

Pengerusi-pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian dan Negeri

Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi PUSPANITA dan warga PUSPANITA,

Para penjawat awam,

Wakil-wakil media,

YBhg.Tan Sri-Tan Sri, Dato' Seri-Dato' Seri, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita semua dapat berkumpul bersama-sama di majlis yang cukup signifikan pada hari ini. Saya merasa amat gembira dan cukup bertuah kerana dapat bertemu dengan para peserta Seminar Kesihatan yang dianjurkan oleh PUSPANITA Peringkat Kebangsaan dengan usahasama Kementerian Kesihatan Malaysia. Saya difahamkan, seminar tahunan kesihatan yang bertemakan "**Wanita Sejahtera, Lelaki Perkasa**" ini, dianjurkan bersempena dengan perasmian Pusat Pemeriksaan Kesihatan Wanita PUSPANITA di Puspanitapuri, Putrajaya. Kedua-dua inisiatif seumpama ini merupakan salah satu program atau contoh terbaik dalam memberi kesedaran kepada masyarakat di negara ini mengenai penjagaan kesihatan dan memupuk amalan gaya hidup sihat dalam kalangan mereka.

SEMINAR: WANITA SEJAHTERA LELAKI PERKASA

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Seminar Tahunan Kesihatan yang bertemakan "**Wanita Sejahtera, Lelaki Perkasa**" yang dianjurkan ini adalah selaras dengan pelan strategik PUSPANITA, di mana tahap dan penjagaan kesihatan kaum lelaki juga tidak kurang pentingnya. Ini kerana daripada segi aspek sosial, peranan kaum lelaki adalah sebagai ketua dalam sesuatu institusi keluarga, masyarakat dan ummah secara keseluruhannya. Oleh itu, salah satu objektif utama seminar ini adalah bertujuan untuk melahirkan seorang individu yang bukan sahaja cemerlang dalam aspek kerjaya tetapi juga memberi penekanan dalam isu dan taraf kesihatan yang baik dan unggul. Fokus PUSPANITA pada seminar kesihatan kali ini juga memberi penekanan kepada dua peringkat iaitu:

- i) **Peringkat Diri Sendiri**: Bertujuan melahirkan individu yang mengetahui status kesihatan diri, tanda-tanda awal, gejala dan permasalahan kesihatan diri serta untuk mencetuskan kesedaran kepada diri sendiri memberanikan diri menjalani pemeriksaan kesihatan demi faedah diri sendiri; **dan**
- ii) **Peringkat Penjagaan Kesihatan Diri** : Untuk memberi peluang dan ruang kepada peserta menjalani ujian saringan asas kesihatan seperti berat badan, tekanan darah, tahap gula dalam darah, tahap kolesterol dan sebagainya.
3. Untuk makluman semua, kajian menunjukkan kaum lelaki sebenarnya lebih terdedah kepada pelbagai risiko kesihatan dan penyakit berbanding wanita. **Jangka hayat kaum lelaki juga lebih pendek** berbanding dengan kaum wanita, iaitu antara lima hingga enam tahun. Kadar kematian akibat penyakit kronik seperti sakit jantung, diabetes, penyakit buah pinggang, strok dan kanser, juga menunjukkan kaum lelaki lebih tinggi berbanding kaum wanita.
4. Penyakit yang sukar diubati bagi kaum lelaki pula ialah tabiat merokok. Global Adult Tobacco Survey (GATS) yang diadakan pada tahun 2012 menunjukkan **lebih daripada 40% kaum lelaki di Malaysia merokok**; atau sejumlah 4.7 juta orang dewasa merokok. Sepertimana kita juga sedia maklum merokok selalu dikaitkan dengan pelbagai penyakit dan salah satunya adalah penyakit kanser seperti kanser payudara, kanser trakea, bronchus dan paru-paru.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Taraf Kesihatan Wanita Malaysia

5. Sebagaimana yang sering diwar-warkan di laman media, penyakit kronik seperti penyakit kardiovaskular, strok dan kanser telah meningkat di seluruh

dunia. Di Malaysia pula, penyakit kardiovaskular kekal sebagai penyebab utama kematian di hospital-hospital kerajaan. Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan menunjukkan prevalen obesiti dalam kalangan orang dewasa di Malaysia telah meningkat dari 4.4% pada tahun 1996 kepada 14.0% pada tahun 2006, dan terus meningkat kepada 15.1% pada tahun 2011. Dianggarkan seramai 2.5 juta rakyat Malaysia adalah obes.

6. **Prevalen obesiti pula didapati lebih tinggi dalam kalangan kaum wanita;** 24% daripada wanita berumur 18 tahun ke atas berbanding dengan 21.5% lelaki. Kajian yang sama juga mendapati **2.4% rakyat Malaysia dewasa pernah mengalami kemurungan (*depression*) dengan kadar lebih tinggi bagi wanita yang tinggal di kawasan bandar.**

7. Sungguhpun taraf kesihatan wanita Malaysia, secara umumnya, telah mencapai tahap yang amat membanggakan dengan jangka hayat yang mencapai 77 tahun, peningkatan kejadian penyakit kronik amat membimbangkan kerana ia akan menjejaskan kualiti hidup kita secara keseluruhan.

8.

Pusat Pemeriksaan Kesihatan Wanita PUSPANITA

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Pusat Pemeriksaan Kesihatan Wanita PUSPANITA pada hari ini adalah satu inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy*, NBOS) yang melibatkan jalinan kerjasama dan kolaborasi di antara PUSPANITA, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri. **Syabas dan Tahniah diucapkan.** Saya telah difahamkan oleh pihak PUSPANITA bahawa mereka telah bersetuju untuk menyediakan ruang untuk dijadikan klinik dengan kos sewaan yang minimum dan sementara pihak Kementerian Kesihatan Malaysia pula akan menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkaitan.

9. Pusat Pemeriksaan Kesihatan Wanita PUSPANITA ini juga adalah berbeza dengan Pusat Pemeriksaan Kesihatan Penjawat Awam Putrajaya yang telah

saya rasmikan pembukaannya pada 3 Mac 2014. Pusat Pemeriksaan ini **lebih menghususkan atau eksklusif** untuk kaum wanita. Ia juga terbuka kepada semua kaum wanita warga Malaysia yang mahu mengetahui tahap kesihatan serta mendapatkan khidmat nasihat yang sesuai untuk mereka. Dengan itu, kita berharap kaum wanita di sekitar Putrajaya khususnya tidak akan melepaskan peluang keemasan ini dengan adanya pusat pemeriksaan sebegini.

10. Pusat ini juga akan berperanan untuk menyediakan pemeriksaan kepada kaum wanita yang meliputi pemeriksaan perubatan, pergigian, pemeriksaan darah, saringan komposisi lemak tubuh yakni ukuran Indeks Jisim Tubuh (BMI) dan saringan minda sihat. Pemeriksaan khusus seperti *pap smear* dan pemeriksaan payu dara juga akan disediakan di pusat ini. Sebagai nilai tambah, perkhidmatan perancang keluarga dan pra-kehamilan juga akan disediakan di pusat ini.
11. Sehubungan dengan itu, semua wanita dewasa yang berumur 18 tahun ke atas khususnya dan belum mempunyai masalah penyakit kronik digalakkan untuk hadir dan menjalani saringan kesihatan di pusat ini. Saya difahamkan, selepas pemeriksaan dijalankan, mereka akan diberi khidmat nasihat penjagaan kesihatan wanita dan gaya hidup sihat, seperti pemakanan sihat, senaman dan kaedah menangani stres. Mereka juga akan dirujuk ke klinik kesihatan jika diperlukan.
12. Begitu juga wanita lain terutama yang sedang membina keluarga, puan-puan juga dipersilakan untuk hadir bagi mendapatkan khidmat nasihat dan perkhidmatan perancang keluarga dan pra-kehamilan. Bagi kaum wanita yang ingin mendapat maklumat berkaitan pemakanan, mereka juga boleh mengunjungi Galeri Pemakanan yang dibangunkan hasil usahasama PUSPANITA Peringkat Kebangsaan dan Kementerian Kesihatan Malaysia di Kompleks Puspanitapuri, Putrajaya.
13. Melalui pelbagai perkhidmatan yang disediakan di pusat ini, saya berharap lebih ramai kaum wanita akan tampil untuk menjalani saringan kesihatan. Dengan adanya pusat ini, pemeriksaan kesihatan akan dapat dilakukan dengan lebih selesa dan suasana bersendirian atau *privacy*, kerana semua pelanggan dan juga petugas-petugas kesihatan di pusat ini adalah kaum wanita. Dengan

penampilan dan pendekatan sebegini, kita berharap dan percaya masalah dan risiko penyakit kronik akan dapat dikesan lebih awal dan seterusnya para pelanggan akan mendapat rawatan secepat mungkin.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati sekalian,

14. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak khususnya Yayasan Jantung Negara kerana bekerjasama dengan PUSPANITA dan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menyediakan booth pemeriksaan secara percuma untuk ahli PUSPANITA. Saya yakin dan percaya pembukaan pusat ini akan meningkatkan kelestarian Kompleks Puspanitapuri yang indah ini. Lebih ramai pelanggan akan menggunakan kemudahan di Kompleks ini, termasuklah gimnasium dan kelas senamrobik anjuran PUSPANITA.

15. Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Pusat Pemeriksaan Kesihatan Wanita PUSPANITA di Puspanitapuri khusus untuk kakitangan wanita dan isteri anggota penjawat awam di Putrajaya.

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh